

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.02.01/10.12/2/1 (22)
Tarikh : 19 Julai 2017

Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tuan/Puan,

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 4 TAHUN 2017:

ARAHAN PENETAPAN HARI BEKERJA WAJIB PADA 22 JULAI 2017 KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN MASJID UMP DAN RAIKAN SYAWAL PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA UMP & KOMUNITI


Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 4 Tahun 2017 mengenai Arahan Penetapan Hari Bekerja Wajib Pada 22 Julai 2017 Kepada Staf Universiti Malaysia Pahang Sempena Sempena Majlis Pelancaran Pembinaan Masjid UMP dan Raikan Syawal Perdana Menteri Bersama Warga UMP & Komuniti. untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SABAREHAN BINTI ISMAIL)
Pemangku Timbalan Pendaftar
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p.: Pendaftar



PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 4 TAHUN 2017

ARAHAN PENETAPAN HARI BEKERJA WAJIB PADA 22 JULAI 2017 KEPADA SEMUA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN MASJID UMP DAN RAIKAN SYAWAL PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA UMP & KOMUNITI

1. TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai keputusan Universiti menetapkan **22 Julai 2017 (Sabtu)** sebagai **hari bekerja wajib** bagi semua staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) sempena Majlis Pelancaran Pembinaan Masjid UMP Dan Raikan Syawal Perdana Menteri Bersama Warga UMP & Komuniti.

2. LATARBELAKANG

Kehadiran semua staf UMP ke Majlis Pelancaran Pembinaan Masjid UMP Dan Raikan Syawal Perdana Menteri Bersama Warga UMP & Komuniti pada 22 Julai 2017 adalah penting sebagai menzahirkan sokongan dan komitmen staf terhadap program anjuran Universiti dan penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia yang sudi hadir ke UMP.

3. PELAKSANAAN

Dalam melaksanakan arahan tersebut, semua staf UMP adalah diwajibkan untuk hadir bertugas pada 22 Julai 2017 dengan ketentuan berikut:

Perkara	Keterangan
Waktu Bekerja	Waktu <i>Check-in</i> : sebelum jam 10.30 pagi Waktu <i>Check-out</i> : setelah majlis selesai
Tempat bertugas	UMP Kampus Pekan
Pakaian	Baju Melayu (Lelaki) / Baju Kurung (Perempuan)
Tindakan Pentadbiran	1) Cuti Gantian Khas satu hari akan diberikan kepada staf secara automatik melalui sistem cuti semasa dan perlulah digunakan dalam tahun semasa sahaja.

	<p>2) Tiada sebarang tuntutan elaun lebih masa serta lain-lain tuntutan yang boleh dibuat oleh staf.</p> <p>3) Ketiadaan rekod kehadiran akan dikira sebagai tidak hadir bertugas tanpa kebenaran, (AWOL) dan boleh dikenakan tindakan selaras dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa di UMP termasuk pelucutan emolumen.</p> <p>4) Kegagalan untuk hadir bertugas perlulah disokong dengan alasan yang munasabah seperti;</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Arahan Berkerja Rasmi (<i>Work Order</i>) ○ Cuti Sakit ○ Berkursus ○ Lain-lain perkara dengan kelulusan Ketua Jabatan
--	---

4. TANGGUNGJAWAB STAF

Dalam melaksanakan penguatkuasaan arahan ini, semua staf Universiti Malaysia Pahang adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Hadir bertugas serta merekodkan kehadiran di UMP Kampus Pekan.
- b. Hadir ke Majlis Pelancaran Pembinaan Masjid UMP Dan Raikan Syawal Perdana Menteri Bersama Warga UMP & Komuniti.

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Dalam melaksanakan dasar Penetapan Hari Bekerja Wajib ini dan penguatkuasaannya dalam kalangan staf Universiti Malaysia Pahang, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk:

- a. Memastikan agar semua staf di bawah seliaan hadir bertugas seperti yang telah ditetapkan;
- b. Memastikan semua staf di bawah seliaan hadir ke Majlis Pelancaran Pembinaan Masjid UMP Dan Raikan Syawal Perdana Menteri Bersama Warga UMP & Komuniti;

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekelling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Tarikh : 19 Julai 2017

Edaran kepada:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)